

# 'Kaji punca tak naik pengangkutan awam'

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu memperkasakan fungsi pengangkutan awam yang didakwa pengunaannya masih gagal dioptimumkan oleh masyarakat di bandar itu sebelum melaksanakan caj kesesakan.

Ketua Penerangan UMNO Wilayah Persekutuan, Gulam Muszaffar berkata, kerajaan wajar mengkaji dengan mendalam mengenai punca majoriti masyarakat di Kuala Lumpur tidak berminat dengan pengangkutan awam.

Menurutnya, Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL dan agensi di bawahnya perlu menjadi pemangkin dan contoh kepada warga di bandar tersebut dengan mengamalkan berkongsi kereta serta menaiki pengangkutan awam ke pejabat, me-

syuarat atau destinasi pekerjaan.

"Saya cabar YBM (Yang Berhormat Menteri) merasai sendiri menaiki pengangkutan awam selama sebulan tanpa iringan dari Unit Trafik DBKL, baru faham kenapa warga Wilayah Persekutuan tidak berminat dengan pengangkutan awam.

"Ini mahu suruh dan perlu bermula dengan warga Wilayah Persekutuan, kenapa tidak dilaksanakan dengan kakitangan sendiri? Cuba YBM dapatkan statistik berapa ramai yang membawa kenderaan sendiri, berkongsi kereta atau menaiki pengangkutan awam," katanya dalam kenyataan.

Gulam berkata, cadangan caj kesesakan mempunyai kebaikan, namun perlu kajian mendalam bersama pemegang taruh untuk melihat dari segi impak sosio ekonomi.